



# **PERATURAN KECIL AKADEMIK PROGRAM PENGAJIAN PASCA SISWAZAH BAB 'A' DAN BAB 'B'**

**PUSAT PENGAJIAN PASCA SISWAZAH  
AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN**

**KANDUNGAN**

<b>PERATURAN KECIL AKADEMIK BAB A &amp; B(1/2015)</b> .....	5
<b>Bab A TAFSIRAN</b> .....	6
<b>Bab B PERATURAN &amp; PROSEDUR</b> .....	13

**BAHAGIAN I – PERMULAAN**

<b>1 NAMA, MULA BERKUATKUASA DAN PEMAKAIAN</b> .....	14
--	----

**BAHAGIAN II – PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN**

<b>2 IKLAN DAN PERMOHONAN</b> .....	14
<b>3 PROSEDUR PERMOHONAN</b> .....	14
<b>4 PROGRAM PENGAJIAN</b> .....	15
<b>5 SYARAT KEMASUKAN</b> .....	15
_____ <b>5.1 PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA</b> .....	15
_____ <b>5.2 PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH</b> .....	17

**BAHAGIAN III – PENDAFTARAN**

<b>6 PENDAFTARAN PELAJAR BARU</b> .....	18
<b>7 PENDAFTARAN PELAJAR SEMASA</b> .....	18
<b>8. PENDAFTARAN SERENTAK</b> .....	19
<b>9 PENDAFTARAN BAGI CALON YANG TELAH MENYERAHKAN DISERTASI &amp; LAPORAN PROJEK / PERSEMBAHAN</b> .....	19
<b>10 PENDAFTARAN BAGI CALON YANG TIDAK MENDAFTAR UNTUK TEMPOH YANG LAMA</b> .....	19
<b>11 PENANGGUHAN PENDAFTARAN</b> .....	20

**BAHAGIAN IV – YURAN DAN BAYARAN LAIN**

<b>12 YURAN</b> .....	20
<b>12.1 POLISI YURAN</b> .....	20
<b>12.2 HAK MENGUBAH KADAR YURAN DAN BAYARAN LAIN</b> .....	21
<b>12.3 KESAN YURAN TERTUNGGAK</b> .....	21

**BAHAGIAN V – TEMPOH PENGAJIAN**

<b>13 TEMPOH MINIMA DAN MAKSIMA PENGAJIAN</b> .....	21
<b>14 PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN</b> .....	22
<b>15 PENANGGUHAN PENGAJIAN</b> .....	22

**BAHAGIAN VI – STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

16	KOMPONEN KURIKULUM PENGAJIAN .....	23
17	SISTEM KREDIT .....	24
18	JAM KREDIT .....	24
19	BEBAN KREDIT .....	25
20	PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KREDIT .....	25
21	KURSUS .....	25
22	KOD KURSUS .....	26
23	PEMILIHAN KURSUS .....	26
24	KEPERLUAN MENGHADIRI KULIAH .....	26
25	TAMBAH,GUGUR DAN TARIK DIRI DARI KURSUS .....	26
26	DISERTASI/PORTFOLIO .....	27
27	KARYA KREATIF / PRODUKSI DAN PORTFOLIO .....	27
28	KEPERLUAN PENERBITAN .....	29
29	PENYELIAAN .....	29
30	TARIK DIRI DARI PENGAJIAN .....	30

**BAHAGIAN VII – SYARAT BAHASA**

31	SYARAT BAHASA .....	31
----	---------------------	----

**BAHAGIAN VIII – PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN**

32	SISTEM PENILAIAN .....	31
33	PEMERIKSA LUAR DAN PEMERIKSA DALAM .....	31
34	PENILAIAN KARYA KREATIF/PRODUKSI DAN PORTFOLIO .....	33
35	KEPUTUSAN PENILAIAN .....	34
36	PENANGGUHAN PENILAIAN .....	36
37	RAYUAN MENYEMAK SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS .....	37
38	RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN .....	37
39	PENANGGUHAN PEPERIKSAAN .....	38
40	PENYERAHAN DISERTASI / LAPORAN PROJEK .....	38
41	PENGUMUMAN KEPUTUSAN SEMESTER .....	38
42	STATUS AKADEMIK PELAJAR .....	38
43	PENUKARAN DARI PROGRAM IJAZAH SARJANA KE PROGRAM IJAZAH KEDOKTORAN .....	39
44	ETIKA KADEMIK .....	40
45	GANTUNG PENGAJIAN .....	40
46	MENARIK DIRI ATAU BERHENTI TANPA MUDARAT .....	40

**BAHAGIAN IX – SYARAT PENGIJAZAHAN**

47	<b>PENGIJAZAHAN</b> .....	40
----	---------------------------	----

**BAHAGIAN X - AM**

48.	<b>PEMBERHENTIAN PELAJAR</b> .....	41
-----	------------------------------------	----

**BAHAGIAN XI- JAWATANKUASA-JAWATANKUASA AKADEMIK**

49.	<b>JAWATANKUASA AKADEMIK</b> .....	42
	(1) Lembaga Pengajian.....	42
	(2) Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah.....	42
	(3) Jawatankuasa Jaminan Kualiti Akademik Pusat Pengajian Pasca Siswazah... ..	42
	(4) Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA.....	43
	(5) Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan.....	43
	(7) Jawatankuasa Rayuan Masuk Semula.....	43
	(8) Jawatankuasa Kecurangan Akademik.....	43
	(9) Profesor Adjung.....	44

	<b>PERATURAN PELAJAR – TATATERTIB AM, SAHSIAH DAN RUPADIRI, ASRAMA</b> ....	45
--	---	----

	<b>PERATURANPELAJAR</b> .....	46
--	-------------------------------	----

	<b>TANGGUNGJAWAB AKADEMIK PELAJAR</b> .....	46
--	---	----

**PERATURAN KECIL**

**AKADEMIK**

**BAB A & B**

*(1/2015)*

**Bab A**  
**TAFSIRAN**

**AKTA AKADEMI SENI BUDAYA BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN****2006****(AKTA 653)****KAEDAH-KAEDAH AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN****(IJAZAH SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh Bahagian III seksyen 9(1) **AKTA AKADEMI SENI BUDAYA BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN 2006(AKTA 653)** 2010 [P.U. (A) 444/2010], Lembaga Pengarah **Akademi Seni Budaya Budaya Dan Warisan Kebangsaan ( ASWARA )** melaksanakan kuasa yang diberikan oleh Akademi melalui kaedah berikut:

**Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (IJAZAH SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH) 2015** dan hendaklah berkuat kuasa mulai sesi akademik 2015/16
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua calon program ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah yang diterima masuk sebelum dan pada sesi akademik 2015/2016 dan selepas itu.

**Tafsiran**

“**Akademi**” ialah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang dikenali ringkasnya sebagai “ASWARA Malaysia”. Ia ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta 653.

“**Akta**” ertinya Perlembagaan Universiti;

“**Bendahari**” adalah Pegawai Kewangan yang dilantik oleh Lembaga di bawah Seksyen 15 Akta 653;

“**Bilik peperiksaan**” ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

“**Calon**” ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani mana-mana program pengajian ijazah Sarjana Akademi;

“**Daftar Kursus**” ertinya seseorang pelajar hendaklah membuat pendaftaran bagi setiap kursus yang diambil pada sesuatu semester sebagai syarat menghadiri kuliah dan syarat menduduki peperiksaan.

"**Dekan**" ertinya Dekan/ Ketua Fakulti, Jabatan/Pusat dan termasuk mana-mana pengarah atau ketua akademi adalah seperti yang dilantik oleh Lembaga Pengarah samada secara tetap, kontrak, sambilan atau pinjaman untuk mengetuai sesebuah Fakulti/Jabatan/Pusat di dalam Akademi dibawah bahagian III seksyen 16( I) Akta 653.

"**Disertasi**" ertinya suatu hasil bertulis dari penyelidikan yang telah dijalankan berkaitan dengan suatu program pengajian ijazah Sarjana Secara Penyelidikan atau ijazah Sarjana Secara Kursus dan Penyelidikan;

"**Fakulti**" ertinya mana-mana fakulti/Pusat Pengajian yang ditubuhkan dibawah seksyen 6 Akta 653.

"**Gred**" ertinya suatu nilai dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu penilaian.

"**Ijazah**" ertinya ijazah Sarjana /ijazah Doktor Falsafah ASWARA;

"**Jam Kredit**" ertinya pemberat dalam unit jam yang diberi untuk sesuatu kursus akademik;

"**Jawatankuasa Jaminan Kualiti Akademik Pusat Pengajian PascaSiswazah**" ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan kualiti akademik, dan program yang ditawarkan;

"**Jawatankuasa Kecurangan Akademik**" ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memutuskan hukuman bagi pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan akademik seperti termaktub di Perkara 1.59, Peraturan Kecil Akademik Bab A dan B.

"**Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah**" ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap semua perkara yang berkaitan dengan dasar, perancangan dan pelaksanaan akademik Pusat Pengajian Pasca Siswazah.

"**Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA**" ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab meneliti, mengesah dan meluluskan soalan dan keputusan peperiksaan bagi kursus-kursus Akademi dan Fakulti Pengajian sebelum diangkatkan untuk kelulusan Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA;

"**Jawatankuasa Rayuan Masuk Semula**" ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan pelajar yang telah diberhentikan oleh Akademi kerana gagal peperiksaan atau atas sebab-sebab lain.

"**Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan**" ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab menyemak semula kertas jawapan setelah menerima rayuan daripada seseorang pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan sesuatu kursus;

"**Kebenaran Tidak Menduduki Peperiksaan**" ertinya permohonan yang dipohon oleh pelajar dan perlu diperakukan kepada pihak Akademi.



**“Kecurangan Akademik”** ertinya semua jenis kecurangan akademik samaada peperiksaan, disertasi atau produk dalam mana pelajar yang melakukan salah laku akademik atau penyelewangan akademik yang boleh dikenakan tindakan tatertib mengikut peruntukan Akta 653 Bahagian V Seksyen 17.

**“Kredit”** ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan isi pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

**“Kursus”** ertinya mata pelajaran atau latihan yang dijalankan sepanjang satu tempoh yang ditetapkan, biasanya dalam satu semester, yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;

**“Lembaga Pengarah”** ertinya Lembaga Pengarah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 8 Akta 653.

**“Lembaga Pengajian”** ertinya Lembaga Pengajian Akademi yang ditubuhkan dibawah seksyen 12 , Akta 653 dan bertanggungjawab meneliti dan mengesahkan perkara-perkara mengenai kurikulum, silibus, lantikan tenaga pengajar dan lain-lain hal berkaitan kemajuan akademik seperti peperiksaan, keputusan lulus gagal pelajar, laporan kemajuan pelajar dan sebagainya;

**“Laporan penyelidikan”** ertinya hasil penyelidikan yang dijalankan oleh calon pengajian ijazah Sarjana secara kursus termasuk penyelidikan, kertas projek, laporan projek dan hasil penyelidikan berkenaan apa yang dikenali apa jua nama;

**“Mengulang Kursus”** ertinya kursus yang diambil semula oleh seseorang pelajar yang gagal dalam sesuatu kursus samada teras atau elektif Pelajar boleh mengulang kursus yang gagal pada masa kursus tersebut ditawarkan pada sesuatu semester. Bagi kursus elektif yang gagal, pelajar boleh mengulang semula kursus tersebut atau menggantikan dengan kursus yang lain sebagai memenuhi syarat penganugerahan. Bagaimanapun Panel Akademik Kursi P.Ramlee harus bersetuju dengan penggantian sesuatu kursus kepada kursus yang lain.

**“Nilai Gred”** ertinya suatu nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan pencapaian seseorang pelajar dalam sesuatu penilaian/ peperiksaan.

**“Nilai kredit”** ertinya pengiraan sistem kredit yang digunakan berdasarkan beban sebenar jam pengajaran calon yang meliputi semua jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan;

**“Pelajar”** ertinya seseorang yang merdaftar bagi mengikuti program pengajian di Pusat Pengajian Pasca Siswazah ASWARA.

**“Pegawai Akademi”** ertinya individu atau sekumpulan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah ASWARA sebagai tenaga pengajar:

**“Pemeriksa/Penilai/Moderator”** ertinya seorang tenaga pengajar yang dilantik oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah bagi menjalankan tugas-tugas penilaian dan peperiksaan bagi sesuatu tempoh termasuk menentukan kaedah dan kualiti

penilaian, penyediaan kertas soalan peperiksaan dan skema jawapan, membuat penilaian atau memeriksa kertas jawapan, menilai prestasi pelajar bagi sesuatu kursus, menilai prestasi pelajar di dalam pencapaian nilai akademik disertasi dan menilai prestasi pelajar di dalam pencapaian nilai akademik produksi

“**Pemeriksa Dalam**” ertinya kalangan kakitangan akademik/profesional yang sedang berkhidmat di ASWARA atau di luar ASWARA yang layak dan diluluskan perlintikannya oleh Lembaga Pengajian untuk memeriksa sesuatu kursus, sebahagian daripada kursus, disertasi calon dan karya kreatif/Produksi calon;

“**Pemeriksa Luar**” ertinya kalangan kakitangan akademik/ profesional tidak berkhidmat di ASWARA yang dilantik dan diluluskan perlintikannya oleh Lembaga Pengajian untuk memeriksa sesuatu kursus, sebahagian daripada kursus, disertasi calon dan karya kreatif/Produksi calon;

“**Penangguhan Pengajian/Cuti Khas**” ertinya cuti yang diluluskan kepada seseorang pelajar yang telah mengikuti pengajian sekurang-kurangnya dua (2) semester atau setahun di atas sebab-sebab tertentu yang diluluskan oleh Pusat Pengajian.

“**Pendaftar**” ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bahagian IV subseksyen 14(1) Akta 653;

“**Penganugerahan Akademik**” ertinya penganugerahan yang diberikan kepada pelajar yang telah memenuhi semua keperluan akademik yang telah ditetapkan oleh Pusat Pengajian Paka Siswazah serta mendapat perakuan Lembaga Pengajian ASWARA.

“**Pengawas**” ertinya individu yang dilantik sebagai pengawas atau ketua pengawas yang dilantik oleh Rektor atau oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Rektor daripada kalangan kakitangan tetap atau pensyarah sepenuh masa ASWARA untuk mengawas peperiksaan sesuatu program pengajian Ijazah;

“**Pengerusi**” ertinya Pengerusi kepada Lembaga Pengarah ASWARA yang dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 8 Akta 653.

“**Penilaian**” ertinya pengukuran terhadap pencapaian pelajar yang dinilai secara berterusan meliputi kerja-kerja produksi, makmal, bengkel, tutorial, studio, kerja-kerja lapangan, projek, kertas kerja, tesis, ujian bertulis dan peperiksaan. Penilaian berdasarkan pencapaian di dalam peperiksaan dan kerja kursus yang membawa kepada pencapaian gred, laporan pengajar/penilai/pemeriksa dalam dan luar.

“**Penyelia**” ertinya seseorang staf akademik yang dilantik oleh Fakulti/ Universiti, untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon yang boleh terdiri dari seorang Penyelia Utama dan/atau seorang Penyelia Kedua atau satu Jawatankuasa Penyeliaan atau Penyelia Luar.

“**Penyelia Utama**” ertinya seorang staf akademik yang dilantik secara individu atau mengetuai dua orang penyelia untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon;

“**Penyelia kedua/bersama**” ertinya seorang staf akademik yang dilantik bersama Penyelia Utama (jika berkenaan) untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon;

“**Peperiksaan**” ertinya peperiksaan akhir bertulis dan praktikal/amali yang ditentukan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee.

“**Peperiksaan Ulangan**” ertinya peperiksaan bergantung kepada kes tertentu dan perlu diluluskan di dalam Mesyuarat Panel Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee. Ini termasuk peperiksaan ulangan disertasi, projek dan apa-apa yang berkaitan yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah untuk diadakan semula bergantung kepada kes-kes yang memerlukan.

“**Peperiksaan Khas**” ertinya peperiksaan yang dilakukan jika ada keperluan bergantung kepada kes tertentu tetapi harus diputuskan terlebih dahulu di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah.

“**Perunding**” ertinya seseorang yang bukan kakitangan akademik/ profesional mana-mana universiti yang dilantik oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah untuk membantu dalam penyeliaan calon dalam program pengajiannya;

“**Portfolio**” adalah hasil gerak kerja penyelidikan dalam bentuk tulisan karya kreatif atau kerja produksi.

“**Profesor Adjung**” ertinya individu dari dalam dan luar negara yang diakui kepakaran dalam bidangnya yang dilantik bagi membantu menyelia pelajar.

“**Program pengajian**” ertinya kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk anugerah ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah;

“**Program pengajian secara mod campuran**” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah perenggan 3(1);

“**Rektor**” ertinya Rektor Akademi yang dilantik di bawah Seksyen 13 Akta 653 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Akademi.

“**Semester**” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi akademik.

“**Semester Pendek**” ertinya semester pengajian yang diadakan dalam cuti antara sesi akademik serta tidak dikira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesebuah program di Pusat Pengajian. Walau bagaimanapun peperiksaan yang berkaitan dengan disertasi, projek dan pembentangan serta aktiviti yang berkaitan boleh diadakan di dalam Semester Pendek. Semester Pendek juga dimanfaatkan untuk tujuan penyelidikan, penulisan dan perkembangan akademik pensyarah dan pelajar Pusat Pengajian Pasca Siswazah.

“**Sesi Akademik**” ertinya satu tempoh selama dua semester dalam suatu tahun pengajian.

“**Skrol**” ertinya dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Akademi sebagai pengesahan penganugerahan akademik kepada seseorang pelajar.

“**Slip Keputusan Peperiksaan**” ertinya penyata terperinci keputusan peperiksaan seseorang pelajar bagi sesuatu semester.

“**Slip Peperiksaan**” ertinya penyata terperinci mengenai senarai status kursus yang didaftarkan oleh seseorang pelajar yang layak sebagai syarat kebenaran menduduki peperiksaan.

“**Status Keputusan Peperiksaan**” ertinya status yang diberikan kepada pelajar berdasarkan Purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG). Pelajar-pelajar pasca siswazah Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee wajib mencapai gred purata ‘B’ atau 3.0 di dalam peperiksaan sesuatu semester. Bagi kursus tanpa gred, nilai mutu disertasi/ projek adalah penentuan tahap pencapaian pelajar.

“**Status Kursus**” ertinya status yang ditentukan mengikut klasifikasi yang didaftarkan seperti yang ditentukan oleh Akademi.

“**Tahun akademik**” ertinya tempoh dua belas bulan yang tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Lembaga Pengajian;

“**Tahun kalendar**” ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah dua belas bulan;

“**Tamat Pengajian**” ertinya status yang diberikan kepada pelajar yang telah lulus dan memenuhi semua keperluan akademik seperti yang telah ditetapkan sebagai syarat penganugerahan.

“**Tempat pengajian**” ertinya ASWARA atau mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh ASWARA.

“**Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik**” ertinya Timbalan Rektor yang dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 13 Akta 653.

“**Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar**” ertinya Timbalan Rektor yang dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 13 Akta 653.

“**Tindakan Tatatertib**” ertinya perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan di bawah Akta 653 Bahagian V Seksyen 17.

“**Transkrip**” ertinya penyata terperinci keputusan peperiksaan sepanjang tempoh pengajian seseorang pelajar yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian/ Akademi.

“**Viva-Voce**” ertinya peperiksaan lisan yang dikendalikan oleh sebuah panel penilai Viva-Voce;

**Bab B**  
**PERATURAN**  
**&**  
**PROSEDUR**

## BAHAGIAN I – PERMULAAN

Bagi menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pengajian Akademi yang ditubuhkan di bawah Seksyen 12 Akta 653, Maka Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee dengan ini membuat peraturan berikut:

### 1. NAMA, MULA BERKUATKUASA DAN PEMAKAIAN

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Kecil Akademik Pengajian Pasca Siswazah Bab A & B, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan **2015** dan hendaklah berkuat kuasa mulai sesi akademik 2015/16
- 1.2 Peraturan ini terpakai kepada semua calon semua calon program ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah yang diterima masuk sebelum dan pada sesi akademik 2015/2016 dan selepas itu.

## BAHAGIAN II – PERMOHONAN, PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN

### 2. IKLAN DAN PERMOHONAN

- 2.1 Program pengajian Ijazah Sarjana Seni Kreatif dan Ijazah Doktor Falsafah Seni Kreatif akan diiklankan dari semasa ke semasa.
- 2.2 Permohonan masuk ke pengajian Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah hendaklah dibuat melalui borang permohonan kemasukan program Pengajian Pasca Siswazah ASWARA dan mengikut prosedure yang ditetapkan.
- 2.3 Setiap permohonan kemasukan hendaklah sampai sebelum atau pada tarikh tutup yang ditetapkan dan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah dan Lembaga Pengajian ASWARA.
- 2.4 Permohonan bagi mengikuti program Sarjana dan Doktor Falsafah dibuka sepanjang tahun kepada calon-calon yang layak tetapi pengambilan dibuat setahun sekali atau sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengajian ASWARA.

### 3. PROSEDUR PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan yang boleh didapati di laman sesawang ASWARA.

- 3.2 Borang yang lengkap diisi hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen lain yang telah disahkan benar dan dimajukan kepada Unit Kemasukan dan Rekod Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- 3.3 Calon yang sedang berkhidmat hendaklah mendapat kebenaran dari Ketua Jabatan atau majikan masing-masing untuk mengikuti pengajian.
- 3.4 Setiap permohonan perlu disertakan kertas cadangan penyelidikan.
- 3.5 Semua calon akan diminta membentangkan cadangan penyelidikan dan diuji tahap pengetahuan terhadap bidangnya untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah peringkat Pusat berkenaan sebelum surat tawaran dikeluarkan oleh ASWARA.
- 3.6 ASWARA berhak menolak permohonan yang tidak memenuhi syarat, tidak lengkap atau lewat diterima dari tarikh tutup bagi kemasukan.

#### 4. PROGRAM PENGAJIAN

- 4.1 Pengajian yang ditawarkan di Pusat Pengajian Pasca Siswazah setakat ini adalah seperti berikut:
  - (1) Ijazah Sarjana Seni Kreatif secara Mod Campuran (Kerja Kursus & Penyelidikan (Disertasi & Produksi) *Master- Degree of Creative Arts by Mixed Mode (Coursework & Research (Dissertation & Production Work)*
  - (2) Ijazah Doktor Falsafah Seni Kreatif secara Penyelidikan (Berasaskan Amali/Makmal Dan Karya Kreatif/Produksi - *Doctor of Philosophy in Creative Arts by Research (Practice-Lab/Lab-Based and Creative/Production Work)*

#### 5. SYARAT KEMASUKAN

##### 5.1 Program Pengajian Ijazah Sarjana

- (1) Kelayakan minimum bagi kemasukan ke program pengajian secara kursus dan penyelidikan (disertasi & produksi) hendaklah seperti berikut:
  - i. Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dan mendapat PNGK/HPNG 2.75 atau setara dengannya, dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;

ATAU

  - ii. Ijazah Sarjana Muda atau yang setara denganya mendapat sekurang-kurangnya HPNG 2.50 dan tidak mencapai PNGK/HPNG 2.75, boleh diterima masuk tertakluk kepada penilaian rapi oleh Lembaga Pengajian ASWARA;

## ATAU

- iii. Ijazah Sarjana Muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK/HPNG 2.50 boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan.

## ATAU

- iv. Calon yang tidak memiliki kelayakan yang diperlukan dan berusia 30 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat, memiliki sekurang-kurangnya STPM/Diploma atau setara (contoh Asasi) dengan pengalaman kerja berkaitan, dan Lulus penilaian APEL.

## DAN

- v. Lulus sekurang-kurangnya kredit dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia peringkat SPM atau setaraf;

- (2) Calon perlu mengemukakan portfolio karya kreatif/produksi mengikut piawaian professional dan lulus sesi temuduga/ ujibakat;
- (3) Tertakluk kepada keperluan untuk memenuhi syarat kelayakan minimum seperti yang dinyatakan dalam subkaedah 5(1) di atas, pemohon juga hendaklah memenuhi keperluan khas yang ditetapkan oleh Fakulti/ Pusat bagi setiap program pengajian Ijazah yang berkenaan.
- (4) Walau apapun peruntukan dalam subkaedah 5.1(1)(2) di atas, dalam kes-kes yang tertentu dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengajian ASWARA, Pusat Pengajian Pasca Siswazah boleh diberi kelonggaran untuk menerima pemohon yang mempunyai kelayakan selain daripada yang terkandung dalam syarat kemasukan yang sedia ada.
- (5) Pemohon antarabangsa disyaratkan lulus Test of English as a Foreign Language (TOEFL) dengan skor sebanyak 550 ATAU memperoleh band 6 bagi International English Language Testing System (IELTS) kecuali siswazah yang mengambil bidang pengajian Bahasa Melayu atau bidang pengajian yang menggunakan Bahasa Melayu.
- (6) Pengecualian bagi subkaedah 5.1(5) boleh diberikan kepada calon yang berasal dari Negara yang berbahasa Inggeris adalah bahasa rasminya atau yang memiliki kelayakan akademik yang diperolehi dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa Pengantar.
- (7) Sekiranya pemohon tidak mempunyai kelayakan sama ada yang ditetapkan dalam subkaedah 5.1(1)(2) , pemohon boleh dipertimbangkan untuk diterima masuk tertakluk kepada lulus mana-mana ujian bahasa Inggeris yang diiktiraf oleh Lembaga Pengajian ASWARA sebelum dibenarkan mendaftar program pengajian Ijazah yang berkenaan.



- (8) Lembaga Pengajian ASWARA boleh mengenakan: peringkat kecekapan bahasa Inggeris yang minimum bagi semua pemohon warganegara Malaysia program Ijazah Sarjana berkenaan; yang ingin menulis tesisnya dalam Bahasa Inggeris.

## 5.2 Program Pengajian Ijazah Doktor Falsafah

- (1) Kelayakan minimum bagi kemasukan ke program pengajian secara penyelidikan (disertasi & produksi) hendaklah seperti berikut:
- i. Ijazah Sarjana dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) atau dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan hendaklah dalam bidang pengajian yang berkaitan.
  - ii. Kelayakan lain setara dengan ijazah sarjana yang diiktiraf oleh Lembaga Pengajian ASWARA.
- DAN
- iii. Lulus sekurang-kurangnya kredit dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia peringkat SPM atau setaraf;
- (2) Calon Ijazah Doktor Falsafah secara kursus dan penyelidikan harus mengemukakan portfolio karya kreatif/produksi mengikut piawaian professional dan lulus sesi temuduga/ ujibakat.
- (3) Tertakluk kepada keperluan untuk memenuhi syarat kelayakan minimum seperti yang dinyatakan dalam subkaedah 5.2(1) di atas, pemohon juga hendaklah memenuhi keperluan khas yang ditetapkan oleh Fakulti/ Pusat bagi setiap program pengajian Ijazah yang berkenaan.
- (4) Walau apapun peruntukan dalam subkaedah 5.2(1)(2) di atas, dalam kes-kes yang tertentu dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengajian ASWARA, Pusat Pengajian Pasca Siswazah boleh diberi kelonggaran untuk menerima pemohon yang mempunyai kelayakan selain daripada yang terkandung dalam syarat kemasukan yang sedia ada.
- (5) Pemohon antarabangsa disyaratkan lulus Test of English as a Foreign Language (TOEFL) dengan skor sebanyak 550 ATAU memperoleh band 6 bagi International English Language Testing System (IELTS) kecuali siswazah yang mengambil bidang pengajian Bahasa Melayu atau bidang pengajian yang menggunakan Bahasa Melayu.
- (6) Pengecualian bagi subkaedah 5.2(5) boleh diberikan kepada calon yang berasal dari Negara yang berbahasa Inggeris adalah bahasa rasminya atau yang memiliki kelayakan akademik yang diperolehi dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa Pengantar.
- (7) Sekiranya pemohon tidak mempunyai kelayakan sama ada yang ditetapkan dalam subkaedah 5.2(1)(2), pemohon boleh dipertimbangkan untuk diterima masuk tertakluk kepada lulus mana-mana ujian bahasa Inggeris yang diiktiraf oleh Lembaga Pengajian Pasca Siswazah sebelum dibenarkan mendaftar program pengajian Ijazah yang berkenaan.

- (8) Lembaga Pengajian ASWARA boleh mengenakan peringkat kecekapan Bahasa Inggeris yang minimum bagi semua pemohon warganegara Malaysia program ijazah Sarjana berkenaan; yang ingin menulis disertasinya dalam Bahasa Inggeris.

### BAHAGIAN III - PENDAFTARAN

#### 6. PENDAFTARAN PELAJAR BARU

- (1) Calon yang diterima masuk hendaklah mendaftar bagi mengikuti Program Pengajian Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah pada sesi/semester yang ditawarkan dan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh bahagian Akademik ASWARA.
- (2) Calon tidak dibenarkan mendaftar selepas dua (2) minggu sesi/semester bermula. Denda akan dikenakan sekiranya pendaftaran dibuat melebihi tempoh dua (2) minggu dari tempoh pendaftaran yang ditetapkan oleh bahagian Akademik ASWARA.
- (3) Calon yang tidak mendaftar tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Dekan Pasca Siswazah untuk menanggung pendaftaran masuk pada sesi/semester dan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh bahagian Akademik ASWARA akan menyebabkan tawarannya luput dengan sendirinya.

#### 7. PENDAFTARAN PELAJAR SEMASA

- (1) Pelajar hendaklah mendaftar untuk pengajian setiap semester pada tarikh yang telah ditetapkan oleh Akademi.
- (2) Pelajar tidak dibenarkan mendaftar selepas dua (2) minggu sesi/semester bermula.
- (3) Pelajar yang tidak mendaftar tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Dekan Pasca Siswazah untuk menanggung pendaftaran masuk pada sesi/semester dan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh Akademi akan menyebabkan diberikan status "**Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar**".
- (4) Pelajar yang telah menanggung / digantung pengajian hendaklah membuat pendaftaran pada semester berikutnya setelah tamat tempoh penangguhan / penggantungan tersebut.
- (5) Mana-mana pelajar yang gagal memperbaharui pendaftarannya sebagaimana yang ditetapkan di subkaedah 7(1)(2)(3)(4) boleh menyebabkan status pelajarinya diluputkan melainkan dibenarkan mendaftar lewat. Pelajar tersebut

akan dikenakan denda atas kadar yang ditetapkan disamping yuran-yuran lain yang ditetapkan.

- (6) Pendaftaran pelajar dianggap sempurna setelah pelajar menjelaskan semua yuran semasa dan segala hutang dengan Akademi bagi semester sebelumnya.
- (7) Mana- mana pelajar yang tidak mendaftar selama dua (2) semester berturut-turut akan diberhentikan dari pengajian.
- (8) Permohonan mendapatkan salinan surat tawaran hendaklah disertakan dengan resit bayaran RM10.00

#### **8. PENDAFTARAN SERENTAK**

- (1) Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan ijazah di ASWARA dan di Universiti atau institusi lain.
- (2) Mana-mana calon yang melanggar subkaedah 8(1) boleh ditamatkan pengajiannya tanpa pembayaran balik yuran dan bayaran lain yang dibayar.

#### **9. PENDAFTARAN BAGI CALON YANG TELAH MENYERAHKAN DISERTASI, PORTFOLIO DAN KARYA KREATIF**

- (1) Pelajar yang telah menyerahkan disertasi ,portfolio dan karya kreatif selepas semester yang ditetapkan untuk pemeriksaan hendaklah terus mendaftar sebagai Calon Pasca Siswazah dan diberi status “Serah Tesis Untuk Peperiksaan” sehingga peperiksaan lisan disertasi portfolio dan karya kreatif selesai tanpa dikenakan sebarang yuran.

#### **10. PENDAFTARAN BAGI CALON YANG TIDAK MENDAFTAR UNTUK TEMPOH YANG LAMA**

- (1) Seseorang Calon Pasca Siswazah yang telah tidak mendaftar pada tempoh yang lama iaitu tidak melebihi dua (2) semester tanpa alasan boleh membuat rayuan untuk meneruskan pengajian dengan dikenakan yuran permohonan sebanyak RM200 dan denda RM50 bagi setiap semester yang ia tidak mendaftar dan permohonan boleh dibuat sekali sahaja pada sepanjang pengajian.
- (2) Pelajar yang tidak mendaftar atas faktor kesihatan dengan pengesahan doktor yang diiktiraf atau memohon menangguh pengajian di atas sebab-sebab peribadi yang difikirkan munasabah dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah boleh memohon untuk meneruskan pengajian dengan membuat perakuan akan meneruskan pengajian dengan sempurna.

Permohonan hanya untuk sekali sahaja di dalam tempoh pengajian dan tidak melebihi dua tahun dari tarikh mula mendaftar.

- (3) Tempoh tidak mendaftar yang termaktub di sub kaedah 10(1)(2) tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan ijazah.
- (4) Pelajar yang tidak mendaftar melebihi tempoh dua (2) tahun perlu mengemukakan permohonan baru untuk mendaftar sebagai pelajar.
- (5) Semua calon yang dikenakan tindakan tatatertib oleh Akademi tidak dibenarkan mendaftar atau memohon semula.

## 11. PENANGGUHAN PENDAFTARAN

- (1) Calon boleh mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh pendaftaran. Bagi menangguhkan pendaftaran sebagai pelajar atas faktor kesihatan yang diperaku oleh doktor perubatan atau hal peribadi yang munasabah.
- (2) Calon hanya dibenarkan menangguh pendaftaran sebagai pelajar bagi tempoh empat (4) minggu dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan.
- (3) Calon yang tidak mendaftar diri sebagai pelajar tanpa mendapat kebenaran Dekan Pasca Siswazah akan dianggap tidak menerima tawaran dan perlu membuat permohonan semula untuk memasukkan sesi berikutnya.

## BAHAGIAN IV- YURAN DAN BAYARAN LAIN

## 12. YURAN

### 12.1 POLISI YURAN

- (1) Polisi Yuran ialah polisi yang ditetapkan oleh ASWARA ke atas seseorang bakal pelajar yang ingin mendaftar. Polisi Yuran akan menentukan seseorang pelajar itu masih sah statusnya sebagai pelajar atau tidak dan menentukan segala sekatan dan penganugerahan sama ada gred, transkrip atau ijazah kepada pelajar. Secara umumnya, semua yuran yang telah dibayar tidak boleh dituntut semula.
- (2) Pelajar yang telah mendaftar dikehendaki menjelaskan yuran pengajian sebagai pelajar Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee dan akan dikategorikan sebagai pelajar mulai dari tarikh pendaftaran sehingga dianugerahkan kepadanya Ijazah program yang

diikutinya tertakluk kepada pembaharuan pendaftaran pada setiap semester.

- (3) Pelajar yang telah mendaftar dikehendaki membayar yuran pengajian dan lain-lain jenis serta bentuk bayaran yang telah ditetapkan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee dan ASWARA dengan sepenuhnya sebelum atau pada waktu mendaftar atau memperbaharui pendaftaran atau sebelum berijazah melainkan ia dikecualikan dari mana-mana yuran.
- (4) Pelajar yang hendak menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain secara ansuran hendaklah membuat permohonan melalui Dekan Pusat Pengajian dan mendapat kelulusan Lembaga Pengajian ASWARA atau mana-mana pegawai lain yang ditetapkan oleh ASWARA.
- (5) Pelajar yang gagal menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain atau sebahagian dari yuran atau bayaran lain yang kena dibayar kepada ASWARA tidak akan dibenarkan menduduki mana-mana peperiksaan program pengajian ijazah.

#### **12.2 HAK MENGUBAH KADAR YURAN DAN BAYARAN LAIN**

- (1) Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee berhak mengubah kadar yuran pengajian dan bayaran lain dari semasa ke semasa dengan kelulusan Lembaga Pengajian Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.

#### **12.3 KESAN YURAN ATAU BAYARAN LAIN TERTUNGGAK**

- (1) Pelajar yang mempunyai hutang tertunggak tidak akan dibenarkan mendaftar pada semester seterusnya sehingga semua yuran tertunggak dijelaskan.
- (2) Pelajar dihalang dari menduduki peperiksaan.
- (3) Pelajar tidak dibenarkan mengikuti pengajian pada semester berikutnya.
- (4) Slip keputusan peperiksaan, transkrip atau sijil graduat tidak akan dikeluarkan.
- (5) Dihalang dari menghadiri majlis konvokesyen.

### **BAHAGIAN V – TEMPOH PENGAJIAN**

#### **13. TEMPOH MINIMA DAN MAKSIMA PENGAJIAN**

- (1) Tempoh pengajian minima bagi program Ijazah Sarjana secara Mod Campuran (Kerja Kursus, Disertasi dan Karya Kreatif/Produksi) ialah empat (4) semester dan tempoh maksima ialah enam (6) semester tertakluk kepada struktur program pusat pengajian.
- (2) Tempoh pengajian minima bagi program Ijazah Doktor Falsafah secara Mod Penyelidikan (Berasaskan Amali/Studio Dan Karya Kreatif/Produksi) adalah enam (6) semester dan tempoh maksima ialah lapan (8) semester tertakluk kepada struktur program pusat pengajian.
- (3) Tempoh minimum dan maksimum pengajian adalah seperti di perkara 13(1)(2) melainkan Lembaga Pengajian ASWARA meluluskan suatu tempoh yang berlainan.

#### **14. PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN**

- (1) Setiap pelajar boleh memohon untuk melanjutkan tempoh pengajian yang telah mencapai tempoh maksima pada semester yang terakhir. Pelajar perlu mengemukakan permohonan dan mendapat persetujuan dari Penyelia, sokongan Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengajian ASWARA.
- (2) Perlanjutan tempoh pengajian hanya dibenarkan terhad kepada dua semester selepas tempoh maksima yang dinyatakan pada para 13(1)(2).

#### **15. PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- (1) Pelajar berdaftar dibenarkan menangguh pengajian dengan kelulusan Dekan Pasca Siswazah selepas pendaftaran dan sekurang-kurangnya selepas satu semester kecuali atas faktor kesihatan yang diperaku doktor perubatan.
- (2) Penangguhan pengajian atas sebab-sebab lain tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah.
- (3) Permohonan penangguhan selepas minggu empat [4] pengajian dalam sesuatu semester tidak akan dipertimbangkan kecuali yang melibatkan masalah kesihatan dengan perakuan doktor perubatan Kerajaan dan lain-lain yang diiktiraf oleh ASWARA.
- (4) Permohonan secara bertulis perlu dikemukakan kepada Dekan Program Pusat Pengajian Pasca Siswazah dalam tempoh empat [4] minggu dari tarikh pendaftaran.
- (5) Kelulusan pelajar menangguh pengajian adalah terhad kepada dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian dan boleh dipohon secara berturut-turut bagi satu sesi pengajian. Walaubagaimanapun penangguhan bagi satu (1) semester tambahan lagi sepanjang tempoh pengajian dibolehkan dengan kelulusan Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah.

- (6) Penangguhan pengajian ini tidak dikira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan.
- (7) Pelajar perlu membayar yuran pendaftaran pelajar sebanyak RM 50.00 bagi mengekalkan status pelajar dalam tempoh penangguhan pengajian.
- (8) Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajiannya tidak dianggap sebagai pelajar yang berdaftar dan tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh ASWARA.
- (9) Yuran pengajian berbayar bagi pelajar yang telah mendapat kelulusan untuk menanggung pengajian akan di bawa ke ke semester berikutnya tertakluk kepada kadar berikut :

MINGGU PENGKULIAHAN	KADAR
Minggu 1 hingga 4	50%
Minggu 5 hingga 14	0%

## BAHAGIAN VI – STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

### 16. KOMPONEN KURIKULUM PENGAJIAN

- (1) Komponen kurikulum pengajian program Ijazah Sarjana di Pusat Pengajian Pasca Siswazah ditawarkan dalam Mod Campuran (Kerja Kursus, Disertasi dan Karya Kreatif/ Produksi). Komponen kurikulum pengajian perlu disempurnakan dalam tempoh dua (2) tahun pengajian (4 semester) atau tidak melebihi tiga (3) tahun pengajian (6 semester) bagi pengajian Ijazah Sarjana.
- (2) Komponen kurikulum program pengajian Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Pasca Siswazah ditawarkan dalam mod penyelidikan (Kursus Audit, Disertasi dan Karya Kreatif/Produksi). Komponen kurikulum pengajian perlu disempurnakan dalam tempoh tiga (3) tahun pengajian (6 semester) atau tidak melebihi empat (4) tahun pengajian (8 semester).
  - i. Komponen kurikulum pengajian bagi program ijazah sarjana Seseorang pelajar perlu melengkapkan **Empat Puluh (40) unit jam kredit** untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana.

Jadual 1: Pecahan Jumlah Unit Jam Kredit Keseluruhan Kurikulum Pengajian Program Ijazah Sarjana

KOMPONEN KURIKULUM PENGAJIAN	JUMLAH KREDIT
2 Kursus Teras	6
2 Kursus Elektif	6
Disertasi	14
Karya Kreatif/ Produksi	14
<b>JUMLAH JAM KREDIT UNIT KESELURUHAN</b>	<b>40</b>

ii. Komponen kurikulum Pengajian Bagi Program Doktor Falsafah

KOMPONEN BEBAN TUGAS PENGAJIAN	PERATUSAN (%)	KREDIT
Disertasi	40	Tiada nilai kredit diberikan
Karya Kreatif/ Produksi	60	
Kursus Audit	-	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>100</b>	

(3) Beban kerja disertasi, portfolio, projek, kursus audit, kolokium, pembentangan, kertas kerja, penyelidikan, pembentangan dan kehadiran di dalam persidangan, seminar dan tugas-tugas sebagai pelajar bagi program pengajian.

## 17. SISTEM KREDIT

- (1) Setiap kursus mempunyai nilai kredit berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan oleh Mesyuarat Lembaga Pengajian ASWARA.
- (2) Nilai kredit bagi setiap kursus lazimnya berasaskan jam pembelajaran.
- (3) Kredit untuk satu kursus bermaksud jumlah jam pembelajaran yang perlu diadakan dalam masa satu minggu termasuk kuliah atau tutorial atau kerja makmal.

## 18. JAM KREDIT

- (1) Jam Kredit adalah pemberat dalam unit jam yang diberi untuk sesuatu kursus akademik. Satu (1) jam kredit adalah satu (1) jam temu untuk kuliah seminggu bagi tempoh empat belas (14) minggu perkuliahan (tidak termasuk cuti pertengahan semester). Bagi kursus lain seperti produksi, bengkel, tutorial, makmal studio dan kerja-kerja lapangan, satu (1) jam kredit adalah dua (2) hingga tiga (3) jam temu seminggu.



**19. BEBAN KREDIT**

- (1) Kiraan beban kredit tertakluk kepada keperluan yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah.
- (2) Pendaftaran jam kredit bagi Ijazah Sarjana secara Mod Campuran (Kerja Kursus/ Disertasi/ Produksi) minimum empat puluh (40) kredit

**20. PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KREDIT**

- (1) Tiada sebarang pemindahan kredit dan pengecualian kredit dibenarkan.

**21. KURSUS**

- (1) Pelajar diwajibkan mendaftar kursus dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah seperti berikut:
  - (i) Pendaftaran Wajib ialah pendaftaran kursus yang disyaratkan ke atas seseorang pelajar untuk mendapat ijazah. Kursus wajib yang didaftarkan akan dimasukkan dalam pengiraan untuk menentukan Purata Nilai Gred [PNG] bagi pengajian calon. Pendaftaran wajib boleh terdiri daripada kursus wajib dan kursus elektif.
  - (ii) Pendaftaran Kursus elektif adalah pendaftaran kursus yang disyaratkan ke atas seseorang calon yang mengikuti pengajian Pasca Siswazah. Kursus ini boleh diambil pada bila-bila masa sepanjang tempoh pengajian bagi melengkapkan jumlah kredit dan mendapat sekurang-kurangnya gred B bagi tujuan pengijazahan.
  - (iii) Pendaftaran kursus Audit ialah pendaftaran yang diikuti secara audit. Kursus yang diikuti secara audit tidak dikira untuk menentukan purata nilai gred dan umumnya tidak dikira sebagai memenuhi keperluan untuk pengijazahan kecuali dinyatakan sebaliknya. Pelajar yang mengikuti kursus secara audit diperlukan memenuhi keperluan kursus. Pelajar kursus Audit tidak perlu membuat tugas utama kursus dan tidak perlu menduduki peperiksaan akhir. Kursus tersebut tidak dikira unitnya dalam menentukan beban kerja kursus pada setiap semester.
  - (iv) Pendaftaran Kursus bimbingan ialah pendaftaran bagi kursus yang dikelolakan oleh seorang tenaga pakar yang dilantik oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah bagi membimbing pelajar kurang mahir dan yang memerlukan bimbingan khas. Pelajar yang dicadangkan oleh pembimbing dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah sahaja yang boleh mendaftar kursus ini.

**22. KOD KURSUS**

<b>W</b>	Kursus Wajib (Core Courses)
<b>E</b>	Kursus Elektif (Elective Courses)
<b>AU</b>	Kursus Audit (Audit Courses)

**23. PEMILIHAN KURSUS**

- (1) Pelajar hendaklah membuat pemilihan kursus-kursus yang hendak diambil setelah berunding dan mendapat nasihat dari Dekan Pasca Siswazah dan Penyelia masing-masing.

**24. KEPERLUAN MENGHADIRI KULIAH**

- (1) Pelajar dikehendaki menghadiri semua kuliah/tutor/seminar bagi kerja kursus yang telah didaftarkan bagi membolehkannya layak menduduki peperiksaan akhir (jika berkenaan).
- (2) Pelajar sebagaimana yang dinyatakan dalam sub peraturan 23(1) yang tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir akan diberi gred X bagi kursus berkenaan dan dianggap gagal.
- (3) Keputusan peperiksaan pelajar yang menghadiri kuliah dan mengambil peperiksaan sesuatu kursus yang tidak didaftarkan tidak akan diambil kira untuk menentukan purata nilai gred.

**25. TAMBAH, GUGUR DAN TARIK DIRI DARI KURSUS**

- (1) Setiap pelajar dibenarkan menambah, menggugur, menukar dan menarik diri dari sesuatu kursus yang telah didaftarkan setelah mendapat nasihat dan sokongan dari Dekan Pengajian Pasca Siswazah.
- (2) Pelajar dibenarkan untuk membuat tambahan atau menggugurkan kursus dalam minggu pertama (1) sehingga minggu kedua (2) perkuliahan dengan mendapat kelulusan Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah.
- (3) Pelajar yang gagal menggugurkan kursus secara sah dalam tempoh yang dibenarkan akan diberikan gred F.
- (4) Proses Tambah dan gugur kursus hendaklah memenuhi jumlah kredit minima dan maksima yang perlu diambil dalam setiap satu semester.

**26. DISERTASI/PORTFOLIO**

- (1) Dalam penyediaan disertasi, seorang pelajar perlu mematuhi peraturan berikut:
- i. mengikut format penulisan dan penyediaan disertasi/porfolio sebagaimana yang terdapat dalam Panduan Penulisan Disertasi dan Panduan Penulisan Portfolio ASWARA;
  - ii. tidak mengemukakan disertasi yang telah diserahkan kepada universiti lain tetapi boleh memasukkan mana-mana bahagian daripada karya itu sebagai syarat bahagian karya yang dimasukkan sebagai dirujuk yang jelas;
  - iii. menerbitkan kertas mengenai hasil penyelidikannya dalam tempoh pelajar sedang menjalani program dengan syarat bahawa dia mendapat persetujuan penyelia dan Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah.
  - iv. had maksima untuk disertasi program Doktor Falsafah tidak melebihi tiga puluh lima (35,000) ribu patah perkataan dan untuk program Ijazah sarjana tiga puluh (30,000) ribu patah perkataan.
  - v. had minima untuk disertasi program Doktor Falsafah hendaklah tidak kurang dari tiga puluh (30,000) ribu patah perkataan dan disertasi untuk program Ijazah sarjana dua puluh lima (25,000) ribu patah perkataan.
  - vi. Disertasi hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
  - vii. Semua disertasi, penerbitan mengenai hasil penyelidikan calon adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek ASWARA untuk Pelajar.

**27. KARYA KREATIF/PRODUKSI DAN PORTFOLIO**

- (1) Karya Kreatif/Produksi dan portfolio adalah hasil kesenian yang dilahirkan dan berdasarkan kepada apa yang dibincangkan, diputuskan dan dibayangkan di dalam disertasi awalnya. Produksi/Projek merupakan interpretasi calon kepada persoalan, cadangan dan bahasan disertasinya sendiri dan seharusnya menggambarkan jawapan, hasil dapatan dan manifestasi pemikiran pelajar yang dibincangkan di dalam penggunaan bentuk bahasa di dalam disertasi/tesis. Karya Kreatif/Produksi/Portfolio pelajar tidak sama sekali boleh mengengahkan perkara lain atau manifestasi lain selain dari apa yang diinginkan di dalam disertasi. Produksi/Projek mestilah disiapkan sebaik sahaja selesai penulisan disertasi

dan tidak boleh dianjakkan ke masa hadapan kecuali dengan izin Pusat Pengajian.

- (2) Dalam penyediaan Karya Kreatif/Produksi/Portfolio, seorang pelajar perlu mematuhi peraturan berikut berdasarkan pengkhususan serta bentuk-bentuk produk masing-masing.
- i. Karya kreatif/Produksi mestilah asli dan ciptaan pelajar sendiri.
  - ii. Tidak mempersembahkan produksi yang pernah dipersembahkan di mana-mana dan bukan produksi orang lain;
  - iii. Pelajar bertanggungjawab ke atas segala urusan yang berkaitan dengan karya kreatif / produksi.
  - iv. Karya kreatif / Produksi perlu menonjolkan penemuan- penemuan hasil penyelidikan.
  - v. Permohonan untuk mempersembahkan karya kreatif / produksi hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Pasca Siswazah tiga (3) bulan sebelum sesi *Viva-Voce*.
  - vi. Mempersembahkan karya kreatif / produksi menerbitkan projek dalam tempoh pelajar sedang menjalani program pengajian dan dengan syarat bahawa dia mendapat persetujuan penyelia dan Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah.
  - vii. Karya kreatif / Produksi hendaklah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
  - viii. Pelajar digalakkan menggunakan kemudahan/ruang di kampus ASWARA.
  - ix. Tempoh masa minimum bagi produksi/projek untuk Ijazah Sarjana adalah 20 minit dan maksima adalah 30 minit termasuk penerangan dan penjelasan hasil produk (portfolio).
  - x. Tempoh masa minimum bagi produksi/projek untuk Ijazah Doktor Falsafah adalah 30 minit dan maksimum adalah 40 minit termasuk penerangan dan penjelasan hasil produk (portfolio).
  - xi. Untuk Ijazah Sarjana, Karya kreatif yang dinilai adalah berbentuk skrip drama pentas (teater), skrip filem adalah antara 90 hingga 100 muka surat manakala untuk Ijazah Doktor Falsafah antara 100 hingga 120 muka surat yang akan disesuaikan dengan durasi penggambaran/pementasan.

**28. KEPERLUAN PENERBITAN**

- (1) Pelajar wajib menghantar dua artikel jurnal beserta surat penghantaran bersama artikel sebagai bukti telah membentangkan dan menerbitkan dua (2) kertas seminar sebelum layak bergraduat.

**29. PENYELIAAN**

- (1) Pusat Pengajian Pasca Siswazah dikehendaki melantik seorang atau lebih penyelia bagi setiap pelajar pengajian Ijazah sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.
- (2) Semua penyelia bertanggungjawab untuk menyelia dan membimbing pelajar dalam penyelidikan, penulisan disertasi/karya kreatif/portfolio projek serta menilai prestasi pelajar.
- (3) Pusat Pengajian Pasca Siswazah perlu melantik Penyelia Kedua/Bersama sekiranya Penyelia Utama berstatus staf akademik secara kontrak. Lantikan Penyelia Kedua/Penyelia Bersama wajar mempunyai status akademik yang sama.
- (4) Tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengajian ASWARA, Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah boleh dilantik menjadi Penyelia Utama atau Penyelia Kedua/Penyelia Bersama.
- (5) Pelajar boleh membuat permohonan penukaran atau penambahan penyelia dengan mengemukakan surat permohonan kepada Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah tidak lewat dari tiga (3) semester untuk pengajian program Ijazah doktor Falsafah dan dua (2) semester untuk program pengajian Ijazah Sarjana selepas lantikan penyelia dibuat.
- (6) Pelajar dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikannya pada akhir semester kepada penyelia dan penyelia hendaklah menilai laporan tersebut mengikut prosedur yang ditetapkan.
- (7) Penyelia perlu mengemukakan kepada Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah laporan kemajuan pelajaran pelajar pada setiap hujung semester.
- (8) Pelajar yang laporan kemajuannya tidak memuaskan bagi tempoh tiga (3) semester berturut-turut boleh ditamatkan pengajian merujuk kepada keputusan Jawatankuasa Pengajian pusat Pengajian Pasca Siswazah.
- (9) Pelajar yang gagal mengemukakan laporan kemajuannya dalam tempoh yang ditetapkan akan dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya.

**30. TARIK DIRI DARI PENGAJIAN**

- (1) Calon yang menarik diri dari pengajian dalam tempoh lima(5) minggu dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan, tidak dibenarkan menuntut semua yuran semester semasa yang telah dibayar termasuk yuran pendaftaran.
- (2) Permohonan penarikan diri dari program pengajian hendaklah dibuat secara bertulis dan mengikut prosedur yang ditetapkan, melalui Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P.Ramlee atau mana-mana pegawai sebagaimana yang ditetapkan oleh ASWARA.
- (3) Sebarang keputusan terhadap penarikan diri dari program pengajian adalah muktamat.

**BAHAGIAN VII – SYARAT BAHASA****31. SYARAT BAHASA**

- (1) Pusat Pengajian Pasca siswazah Kursi P. Ramlee membenarkan pengajaran dan penulisan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- (2) Pelajar Antarabangsa disyaratkan mengambil ujian Bahasa Melayu
- (3) Kelayakan bagi calon yang menulis disertasi dalam Bahasa Inggeris ialah :
  - i. Band 6 untuk IELTS (hanya Sijil Akademik IELTS sahaja diterima)
  - ii. Markah 60 untuk TOEFL
- (4) Bagi calon Warganegara disyaratkan mempunyai kredit dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM atau setaraf;
- (5) Calon boleh dikecualikan sekiranya mempunyai kelulusan lulus Bahasa Melayu setaraf dengan SPM atau sijil kecekapan bahasa Melayu tahap 3 atau lulus tahap 3 kursus intensif Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh mana-mana universiti.
- (6) Pengecualian bagi subkaedah 5.2(5) boleh diberikan kepada calon yang berasal dari Negara yang berbahasa Inggeris adalah bahasa rasminya atau yang memiliki kelayakan akademik yang diperolehi dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa Pengantar.

**BAHAGIAN VIII – PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN****32. SISTEM PENILAIAN**

- (1) Penilaian pelajar yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana, mengandungi :
  - i. peperiksaan dan penilaian bertulis secara berterusan mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester;
  - ii. satu disertasi yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa dalam dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar;
  - iii. peperiksaan lisan bagi mempertahankan disertasi dihadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan;
  - iv. karya kreatif/produksi dan portfolio yang akan dipentaskan/ dibentangkan dihadapan Jawatankuasa Peperiksaan / Pemeriksa Luar yang dilantik;
- (2) Penilaian pelajar yang mengikuti program pengajian Ijazah Doktor Falsafah mengandungi :
  - i. satu disertasi yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa dalam dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar;
  - ii. peperiksaan lisan bagi mempertahankan disertasi dihadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan;
  - iii. karya kreatif/produksi dan portfolio yang akan dipentaskan/ dibentangkan dihadapan Jawatankuasa Peperiksaan / Pemeriksa Luar yang dilantik;

**33. PEMERIKSA LUAR DAN PEMERIKSA DALAM**

- (1) Pemeriksa bagi Ijazah Sarjana :
  - i. Dilantik berasaskan kewibawaan, kepakaran dan profesionalisme yang tinggi (berpengalaman melebihi 10 tahun).
  - ii. Pemeriksa luar/dalam bagi calon sarjana, mestinya berkelulusan sekurang PhD atau berpangkat Prof. Madya.
  - iii. Salah seorang pemeriksa calon sarjana mestilah berpangkat Prof. Madya.

- iv. Pemeriksa mestilah seorang ahli akademik yang mengajar di institusi pengajian tinggi.
- v. Pemeriksa yang dilantik tidak boleh mempunyai tali persaudaraan rapat dengan pelajar yang dinilai dan penyelia.
- vi. Pemeriksa luar hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 5 penerbitan.
- vii. Graduan Kursi P. Ramlee ASWARA boleh dilantik sebagai pemeriksa luar dengan syarat beliau memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan telah menamatkan pengajian di ASWARA dalam tempoh tidak kurang dari dua tahun sebelum tarikh pelantikan beliau sebagai pemeriksa luar.
- Viii. Pemeriksa haruslah seorang pakar dalam bidang berkaitan tetapi tidak terlibat atau mempunyai kepentingan dengan kajian yang dinilai.
- ix. Bagi pelajar sarjana, seorang pemeriksa dalam dan seorang pemeriksa luar (*dalam kes tertentu pemeriksa luar boleh terdiri dari dua orang apabila pemeriksaan terbahagi kepada dua i) disertai ii) karya kreatif*). Ini merujuk kepada kepakaran bidang dan keperluan.
- x. Seorang yang layak walaupun bertugas di institusi pengajian tinggi di luar dari ASWARA boleh dilantik sebagai pemeriksa dalam.
- xi. Dekan boleh memperakukan bagi menggantikan pemeriksa luar yang tidak menjalankan kewajipan yang memuaskan dengan pemeriksa luar yang lain dan melaporkan keputusannya kepada Panel Pengajian.

(2) Pemeriksa bagi Ijazah Doktor Falsafah :

- i. Pemeriksa dalam / luar bagi calon PhD, mestilah berkelulusan PhD dan sekurang-kurangnya berpangkat Prof. Madya melainkan disahkan tiada pakar dalam bidang berkenaan berpangkat Prof. Madya.
- ii. Jika penyelia seorang Professor, sekurang-kurangnya salah seorang pemeriksa hendaklah juga seorang Professor melainkan dapat disahkan tiada pakar yang memenuhi syarat tersebut.
- iii. Pemeriksa mestilah seorang ahli akademik yang mengajar di institusi pengajian tinggi.
- iv. Pemeriksa yang dilantik tidak boleh mempunyai tali persaudaraan rapat dengan pelajar yang dinilai dan penyelia.



- v. Pemeriksa luar hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 5 penerbitan.
- vi. Graduan Kursi P. Ramlee ASWARA boleh dilantik sebagai pemeriksa luar dengan syarat beliau memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan telah menamatkan pengajian di ASWARA dalam tempoh tidak kurang dari dua tahun sebelum tarikh pelantikan beliau sebagai pemeriksa luar.
- vii. Pemeriksa haruslah seorang pakar dalam bidang berkaitan tetapi tidak terlibat atau mempunyai kepentingan dengan kajian yang dinilai.
- viii. Pemeriksa yang dilantik diberi tempoh dua (2) minggu untuk mengesahkan penerimaan sebagai pemeriksa.
- xi. Dalam kes tertentu, Dekan boleh melantik pemeriksa luar untuk memeriksa disertasi dan karya kreatif/ produksi calon dengan syarat pelantikan tersebut itu hendaklah dilaporkan dalam mesyuarat Panel Pengajian Kursi P.Ramlee.
- x. Bagi pelajar ijazah doktor falsafah, seorang penilai dalam dan seorang pemeriksa luar (*dalam kes tertentu pemeriksa luar boleh terdiri dari dua orang apabila pemeriksaan terbahagi kepada dua i) disertasi ii) karya kreatif*). Ini merujuk kepada kepakaran bidang dan keperluan.
- xi. Seorang yang layak walaupun bertugas di institusi pengajian tinggi di luar dari ASWARA boleh dilantik sebagai pemeriksa dalam.
- xii. Dekan boleh memperakukan bagi menggantikan pemeriksa luar yang tidak menjalankan kewajipan yang memuaskan dengan pemeriksa luar yang lain dan melaporkan keputusannya kepada Panel Pengajian.

#### 34. PENILAIAN KARYA KREATIF/PRODUKSI DAN PORTFOLIO

- (1) Penilaian karya kreatif/Produksi adalah berdasarkan kepada Dua (2) Bahagian iaitu:

##### BAHAGIAN A

##### i. GAYA KESELURUHAN PENYUSUNAN POTFOLIO

- a) Dari segi penyusunan dan kesesuaian potfolio dengan tajuk dan kandungan kajian akademik calon
- b) Kesesuaian Potfolio dengan Produksi
- c) Dari segi kejelasan penerangan portfolio
- d) Dari segi penyusunan secara keseluruhan Produksi
- e) Dari segi kesesuaian tajuk Produksi
- f) Dari segi persembahan keseluruhan Produksi

ii. **KEKUKUHAN PRODUKSI**

- a) Kualiti Persembahan Produksi dari Sudut Persepsi Seni
- b) Dari segi Kejelasan Gubahan
- c) Adakah Produksi ini Mencapai Objektif Persembahannya
- d) Kaedah/Cara Persembahan Produksi ini adalah Bersesuaian
- e) Kesesuaian Produksi ini dengan Keperluan Seni (Tradisional atau Moden)
- f) Produksi ini Berjaya Menganalisis Tujuan/Objektif Asal:
- g) Interpretasi dari Produksi ini Menambah Nilai kepada Keperluan Bidang Seni yang Berkaitan
- h) Hubungan Persembahan Produksi dengan Kesimpulan Produksi
- i) Hubungan Aspek Teknikal dengan Tema/Pemikiran Asasnya
- j) Kepelbagaian Bahan Rujukan yang Digunakan dalam Produksi
- k) Produksi ini Bersesuaian dengan Pengajian Berasaskan Kerja Studio

**BAHAGIAN B**

- a) Penampilan Dan Penerapan Nilai-Nilai Seni Secara Keseluruhan Dalam Produksi
- b) Penilaian Dari Aspek Elemen Seni Dan Keberkesanannya
- c) Penilaian Dari Aspek Pemikiran, Falsafah, Keilmuan, Pengetahuan Dan Maklumat-Maklumat Baru Serta Jumpaan-Jumpaan Baru Dalam Bidang Ilmu
- d) Penilaian Dari Aspek Kreativiti Dalam Produksi
- e) Penilaian Dari Aspek Inovasi Dalam Produksi

(2) Penilaian dibuat berdasarkan skala berikut:

<b>Skala Keputusan</b>	
<b>SKALA 1 SCALE 1</b>	<b>Lulus dengan Cemerlang (Produksi)/ <i>Pass with Excellent Achievement (Production)</i></b>
<b>SKALA 2 SCALE 2</b>	<b>Lulus Dengan Baik (Produksi)/ <i>Pass with Good Achievement (Production)</i></b>
<b>SKALA 3 SCALE 3</b>	<b>Lulus (Produksi)/ <i>Pass (Production)</i></b>
<b>SKALA 4 SCALE 4</b>	<b>Gagal (Produksi)/ <i>Fail (Production)</i></b>

**35. KEPUTUSAN PENILAIAN**(1) **Nilai Kredit**

Nilai Kredit adalah angka hasil daripada pendaraban nilai gred.

$$\text{Nilai Kredit} = (\text{Nilai Gred}) \times (\text{Jam Kredit})$$

(2) **Purata Nilai Gred (PNG) atau *Grade Point Average (GPA)***

Purata Nilai Gred (PNG) atau *Grade Point Average (GPA)* merupakan suatu nilai purata pencapaian seseorang pelajar pada sesuatu semester bagi semua kursus/peperiksaan yang diambil pada semester berkenaan adalah dikira seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah nilai kredit yang diperolehi dalam sesuatu semester}}{\text{Jumlah jam kredit yang diambil dalam semester yang sama}}$$

(3) **Pemindahan Kredit**

Tidak dibenarkan memindah kredit dari peringkat Sarjana ke Doktor Falsafah.

(4) **Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) atau *Cummulative Grade Point Average (CGPA)***

Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) atau *Cummulative Grade Point Average (CGPA)* merupakan suatu himpunan nilai purata pencapaian seseorang pelajar bagi semua kursus/peperiksaan yang diambil sehingga semester terakhir adalah dikira seperti berikut:

$$\text{HPNG} = \frac{\text{Jumlah nilai kredit yang diperolehi dalam semua peperiksaan}}{\text{Jumlah jam kredit yang diambil dalam semua peperiksaan}}$$

(5) **Jadual Nilai Gred**

Jadual Nilai Gred menunjukkan penerangan pencapaian seseorang pelajar dalam peperiksaan bagi sesuatu kursus.

Jadual 3 : Jadual Nilai Gred

MARKAH	GRED	NILAI GRED
85 – 100	A	4.00
80 – 84	A -	3.67
75 – 79	B+	3.33
70 – 74	B	3.00
65 – 69	B -	2.67
60 – 64	C+	2.33
55 – 59	C	2.00
50 – 54	C -	1.67
40 – 49	D	1.00
39 ke bawah	F	0.00

(6) **Status Penilaian**

<b>L</b>	<b>Lulus</b>
<b>F</b>	<b>Gagal</b>
<b>X</b>	<b>Tidak hadir Peperiksaan Tanpa Kebenaran</b>
<b>X1</b>	<b>Dihalang menduduki Peperiksaan</b>
<b>X2</b>	<b>Tidak Menyempurnakan kerja Kursus Tanpa Kebenaran</b>
<b>Y</b>	<b>Tidak hadir Peperiksaan Dengan Kebenaran</b>
<b>Y1</b>	<b>Tidak Mmenyempurnakan Kerja Kursus Dengan Izin</b>
<b>IP</b>	<b>Sedang maju</b>

(7) **Status Keputusan**

<b>L</b>	<b>Lulus (Pass)</b>
<b>IP</b>	<b>Sedang Maju (In Progress)</b>
<b>TL</b>	<b>Tidak Lengkap (Incomplete)</b>
<b>G</b>	<b>Gagal (Fail)</b>

**36. PENANGGUHAN PENILAIAN**

- (1) Pelajar yang sakit atau menghadapi masalah lain sewaktu penilaian diadakan, boleh memohon kepada Pusat Pasca Siswazah untuk menangguhkannya. Permohonan tersebut hendaklah dibuat tidak lewat dari 48 jam sebelum penilaian itu diadakan.
- (2) Permohonan untuk menangguhkan penilaian atas sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan sijil perubatan daripada Doktor Kerajaan sahaja.

Permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Pusat Pasca Siswazah. Penilaian gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes-kes tertentu.

### 37. RAYUAN MENYEMAK SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS

- (1) Seseorang pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan penilaian bagi sesuatu kursus boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan penilaian kursus.
- (2) Pelajar bersetuju membayar yuran penyemakan semula sebanyak **RM50.00** bagi setiap kursus yang disemak.
- (3) Rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian sesuatu kursus boleh dikemukakan kepada Dekan Pasca Siswazah selepas keputusan sementara dikeluarkan oleh pihak Pasca Siswazah dengan mengemukakan resit bayaran berjumlah **RM50.00** (tidak dikembalikan) bagi satu kursus.
- (4) Keputusan rayuan penyemakan semula penilaian kursus adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Penilaian Kursus yang ditentukan oleh Akademi.
- (5) Keputusan rayuan akan diumumkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan dalam **tempoh dua puluh satu (21)** hari bekerja daripada tarikh permohonan rayuan ditutup.
- (6) Keputusan yang diumumkan adalah muktamad.

### 38. RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN

- (1) Pelajar yang diberi status **Gagal dan Diberhentikan (GB)** bagi sesuatu semester boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- (2) Hanya pelajar yang berstatus **GB** kali pertama sahaja dibenarkan untuk membuat rayuan meneruskan pengajian.
- (3) Seseorang pelajar yang gagal dan diberhentikan atas sebab akademik oleh Lembaga Pengajian ASWARA boleh membuat rayuan kepada Akademi dalam **tempoh tiga puluh (30) hari** selepas keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- (4) Permohonan rayuan meneruskan pengajian boleh dikemukakan menggunakan **Borang ASWARA/HEA (Rayuan Meneruskan Pengajian / Masuk Semula)** yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik.
- (5) Pelajar perlu membayar yuran proses sebanyak **RM100.00** seperti yang telah ditetapkan oleh Akademi.

- (6) Kelulusan permohonan rayuan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa khas yang ditentukan oleh Akademi.
- (7) Keputusan rayuan akan diumumkan dalam **tempoh dua puluh satu (21)** hari bekerja selepas tarikh permohonan rayuan ditutup.
- (8) Keputusan yang diumumkan adalah muktamad.

#### **39. PENANGGUHAN PEPERIKSAAN**

- (1) Penangguhan Peperiksaan boleh dikemukakan oleh pelajar dengan menulis dan mengemukakan sebab-sebab yang boleh diterima seperti sebab kesihatan dan sebagainya tetapi haruslah mendapat persetujuan dan kelulusan Pusat Pengajian terlebih dahulu. Di atas sebab kesihatan pelajar boleh mendapat penangguhan peperiksaan selama tidak lebih dari dua (2) tahun dan perlu mendaftar semula sebagai pelajar apabila jangka masa melebihi tempoh tersebut. Tempoh penangguhan peperiksaan bergantung kepada kes- kes yang ditentukan status kes oleh pusat pengajian.

#### **40. PENYERAHAN DISERTASI/ PORTFOLIO**

- (1) Penyerahan disertasi, portfolio dan karya kreatif / produksi boleh ditangguhkan jika pelajar mengemukakan alasan yang disahkan iaitu melibatkan masalah kesihatan atau yang munasabah. Penangguhan penyerahan disertasi, portfolio dan karya kreatif / produksi tidak boleh lebih dari dua (2) tahun selepas tarikh penangguhan.

#### **41. PENGUMUMAN KEPUTUSAN SEMESTER**

- (1) Keputusan pencapaian akademik pelajar bagi setiap semester akan diumumkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga Pengajian ASWARA.

#### **42. STATUS AKADEMIK PELAJAR**

- (1) Kelayakan Meneruskan Pengajian
  - i. Semua pelajar yang berjaya dalam kursus, mendapat gred yang tidak dikira gagal, dimajukan oleh penyelia untuk melanjutkan pengajian mendapat status layak meneruskan pengajian.
- (2) Meneruskan Setelah Mendapat Status Gagal Dan Diberhentikan:
  - i. Seseorang pelajar tidak dibenarkan mendaftar jika ia gagal dalam kursus dan mendapat status gagal diberhentikan. Pelajar yang gagal dan diberhentikan harus diberitahu oleh Pusat Pengajian akan

statusnya sebelum tarikh pendaftaran semester yang berikut atau diberitahu bahawa keputusan masih dalam siasatan dan pertimbangan bagi memastikan pelajar didapati gagal dan diberhentikan atau gagal tetapi dibenarkan meneruskan pengajian

- (3) Mengulang Kursus Yang Gagal
  - i. Hanya pelajar yang dibenarkan boleh mengulang kursus yang diambil dan gagal. Pelajar tidak boleh mengulang kursus yang sama dan gagal sebanyak lebih dari dua kali.
- (4) Mengulang Untuk Memperbaiki Gred/ HPNG
  - i. Pelajar dibenarkan mengulang untuk memperbaiki gred tetapi kedua-dua gred yang lama dan baru akan dicatatkan di dalam transkripsi. Walau bagaimana kebenaran dari Pusat Pengajian membenarkan seseorang pelajar boleh mengulang dan memperbaiki gred satu-satu kursus/disertasi/produksi.
  - ii. Pelajar yang gagal dalam satu kursus wajib dikehendaki mengulangi kursus tersebut.
  - iii. Pelajar yang gagal mencapai tahap memuaskan untuk setiap satu tempoh penilaian hendaklah mengulang pengajian bagi tempoh penilaian tersebut.

#### **43. PENUKARAN DARI PROGRAM IJAZAH SARJANA KE PROGRAM IJAZAH KEDOKTORAN**

- (1) Pelajar yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana boleh memohon untuk penukaran dari program Ijazah sarjana kepada program Ijazah doktor Falsafah tertakluk kepada keputusan lembaga pengajian ASWARA.
- (2) Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan perakuan Penyelia Utama / Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan selewat – lewatnya pada semester ketiga (2) pengajiannya.
- (3) Satu panel penilai hendaklah dianggotai –
  - (a) Dekan Pusat atau wakilnya sebagai pengerusi; dan
  - (b) Tiga (3) orang pensyarah pusat pengajian pasca siswazah dalam bidang berkaitan yang terdiri daripada Profesor atau Profesor Madya; dan
  - (c) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.

- (4) Panel Penilai bertanggungjawab untuk:
- (a) Menilai cadangan penyelidikan dan pencapaian calon dalam sesi pembentangan, dan sekiranya dia layak, panel boleh memperakukan permohonan penukaran daripada program Ijazah Sarjana kepada program Ijazah Kedoktoran; dan
  - (b) Makluman secara bertulis tentang penukaran program pengajian calon hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah.

#### 44. ETIKA AKADEMIK

- (1) Pelajar yang meniru hasil kerja orang lain atau tidak mengiktiraf kerja orang lain (plagiat) untuk tujuan tugas atau ujian akan dikenakan tindakan tatatertib.

#### 45. GANTUNG PENGAJIAN

- (1) Pelajar yang tidak mendaftar dan tidak memohon penangguhan sebelum berakhirnya minggu kedua (2) akan digantung pengajian pada semester berkenaan. Pelajar mesti mendaftar semula pada semester berikutnya. Sekiranya pelajar gagal mendaftar semula sebelum berakhir minggu kedua (2) dan tidak memohon penangguhan pengajian pada semester berikutnya, pelajar tersebut akan diberhentikan.
- (2) Tempoh gantung pengajian diambil kira dalam pengiraan tempoh maksima pengajian pelajar keseluruhannya.

#### 46. MENARIK DIRI ATAU BERHENTI TANPA MUDARAT

- (1) Seseorang pelajar boleh menarik diri daripada mengikuti program pengajiannya dengan membuat permohonan bertulis kepada Dekan Pusat. Surat kelulusan menarik diri akan dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah.

### BAHAGIAN IX – SYARAT PENGIJAZAHAN

#### 47. PENGIJAZAHAN

- (1) Pelajar yang telah tamat pengajian daripada ASWARA mesti mematuhi syarat kelulusan seperti berikut bagi tujuan graduasi.
- (a) Memenuhi semua kehendak peraturan ini.



- (b) Memenuhi semua keperluan komponen kursus dan komponen penyelidikan yang ditetapkan dalam program.
- (c) Memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah.
- (d) Lulus peperiksaan tesis dan peperiksaan lisan.
- (e) Memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah sebagaimana disebut dalam subkaedah 27(1).
- (f) Memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar bukan warganegara yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian pasca Siswazah.
- (g) Telah menyelesaikan semua yuran pengajian dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah.
- (h) Telah memulangkan semua buku yang dipinjam dari Perpustakaan Pasca Siswazah dan ASWARA.
- (i) Makluman secara bertulis tentang penukaran program pengajian calon hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah.

#### BAHAGIAN X - AM

#### 48. PEMBERHENTIAN PELAJAR

- (1) Lembaga Pengajian ASWARA berhak mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang calon pada bila-bila masa sekiranya pelajar didapati :
  - i. Memberi maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan ijazah;
  - ii. Dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal,
  - iii. Menghubungi atau mengganggu atau mengancam Pemeriksa Luar atau Pemeriksa Dalam atau kedua-duanya berhubung dengan penilaian tesis/disertasinya;
  - iv. Gagal mengekalkan prestasi akademik yang baik sebagaimana yang ditetapkan ASWARA;
  - v. Melakukan salahlaku penyelidikan;
  - vi. Melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan dibawah subkaedah 13(3).
- (2) Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Akademi Seni budaya dan Warisan Kebangsaan (Akta 653), Peratutran Akademik Pasca Siswazah ASWARA, Peraturan tatatertib Pelajar ASWARA dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa dan terpakai di ASWARA.

**BAHAGIAN XI- JAWATANKUASA-JAWATANKUASA AKADEMIK****49. JAWATANKUASA AKADEMIK****(1) Lembaga Pengajian**

Lembaga Pengajian Akademi ditubuhkan di bawah Seksyen 12 Akta 653. Lembaga Pengajian bertanggungjawab meneliti dan mengesahkan perkara-perkara mengenai kurikulum, silibus, lantikan tenaga pengajar dan lain-lain hal berkaitan kemajuan akademik seperti peperiksaan, keputusan lulus gagal pelajar, laporan kemajuan pelajar dan sebagainya. Lembaga Pengajian terdiri daripada:

Rektor	–	Pengerusi
Semua Timbalan Rektor	–	Ahli
Semua Dekan Fakulti, Ketua Jabatan/Pusat	–	Ahli
Tiga (3) Kakitangan Akademik	–	Ahli
Pendaftar	–	Setiausaha

**(2) Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah**

Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah bertanggungjawab terhadap semua perkara yang berkaitan dengan dasar, perancangan dan pelaksanaan akademik Pusat Pengajian Pasca Siswazah. Jawatankuasa Pengajian Pasca Siswazah terdiri daripada:

Rektor	–	Pengerusi
Timbalan Rektor HEA	–	Ahli
Dekan Pusat Pengajian	–	Ahli
Semua Dekan Fakulti, Ketua Jabatan/Pusat	–	Ahli
Semua pensyarah Pusat Pengajian Pasca Siswazah	–	Ahli
Pengarah Pentadbiran Pasca Siswazah	–	Ahli
PP Pusat Pengajian	–	Setiausaha

**(3) Jawatankuasa Jaminan Kualiti Akademik Pusat Pengajian Pasca Siswazah**

Jawatankuasa Jaminana Kualiti Akademik Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee, bertanggungjawab dalam hal berkaitan kualiti akademik, dan program yang ditawarkan. Jawatankuasa Kualiti Akademik Pusat Pengajian Pasca Siswazah terdiri daripada :

Timbalan Rektor HEA	–	Penasihat
Dekan pusat Pengajian Pasca Siswazah	–	Pengerusi
Pensyarah Pasca Siswazah dan Profesor Adjung	–	Ahli
Empat (4) orang panel dari luar yang dilantik (Wakil Industri /wakil UA/US/Agensi)	–	Ahli
Pengarah Pentadbiran Pasca Siswazah	–	Ahli
Penolong Pendaftar Pasca siswazah	–	Setiausaha

**(4) Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA**

Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA adalah jawatankuasa yang bertanggungjawab meneliti, mengesah dan meluluskan soalan dan keputusan peperiksaan bagi kursus- kursus Akademi dan Fakulti Pengajian sebelum diangkatkan untuk kelulusan Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA. Jawatankuasa Peperiksaan adalah terdiri daripada :

Timbalan Rektor HEA	–	Pengerusi
Semua Dekan Fakulti Pengajian	–	Ahli
Pengarah Kualiti dan Polisi Akademik	–	Ahli
Pengarah Peperiksaan dan Pengijazahan	–	Ahli
Penolong Pengarah Peperiksaan dan Pengijazahan	–	Setiausaha

**(5) Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan**

Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan adalah jawatankuasa yang bertanggungjawab menyemak semula kertas jawapan setelah menerima rayuan daripada seseorang pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan sesuatu kursus. Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan adalah terdiri daripada :

Timbalan Rektor HEA	–	Pengerusi
Dekan Fakulti Pengajian	–	Ahli
Pengarah Peperiksaan dan Pengijazahan	–	Ahli
Pensyarah	–	Ahli
Penolong Pengarah Peperiksaan dan Pengijazahan	–	Setiausaha

**(6) Jawatankuasa Rayuan Masuk Semula**

Jawatankuasa Rayuan Masuk Semula adalah jawatankuasa yang bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan pelajar yang telah diberhentikan oleh Akademi kerana gagal peperiksaan atau atas sebab-sebab lain. Jawatankuasa Rayuan Masuk Semula adalah terdiri daripada:

Timbalan Rektor HEA	–	Pengerusi
Semua Dekan Fakulti Pengajian	–	Ahli
Pengarah Kualiti dan Polisi Akademik	–	Ahli
Pengarah Peperiksaan dan Pengijazahan	–	Ahli
Tiga (3) kakitangan akademik yang dilantik Rektor	–	Ahli
Bahagian Kemasukan Dan Rekod	–	Setiausaha

**(7) Jawatankuasa Kecurangan Akademik**

Jawatankuasa Kecurangan Akademik adalah jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memutuskan hukuman bagi pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan akademik seperti termaktub di Perkara 1.59, Peraturan Kecil Akademik Bab A dan B. Jawatankuasa Kecurangan Akademik adalah terdiri daripada:

Timbalan Rektor HEA	–	Pengerusi
Dekan Fakulti Pengajian	–	Ahli
Pengarah Kualiti dan Polisi Akademik	–	Ahli
Pengarah Peperiksaan dan Pengijazahan	–	Ahli
Penolong Pengarah Peperiksaan dan Pengijazahan	–	Setiausaha

(8) **Profesor Adjung**

(1) Individu dari dalam dan luar Negara, yang diakui kepakaran dalam bidangnya dan dilantik secara kehormatan bagi :

- i. membantu menyelia pelajar;
- ii. memberi khidmat nasihat dalam pembentukan kurikulum dan silibus program;
- iii. terlibat dalam perancangan, mesyuarat, penilaian kertas kerja (*proposal*) pengajian, penyeliaan dan/atau pemeriksaan;
- iv. mengendali atau membantu mengendalikan dalam tugas pengajaran dan pembelajaran di fakulti dan penyeliaan pelajar;
- v. Menyumbang artikel / penulisan untuk diterbitkan oleh fakulti;
- vi Memberi pandangan dan nasihat sebagai pakar / perunding;

(2) Profesor Adjung yang dilantik terdiri dari:

- i. terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (tertakluk kepada kelulusan agensi pusat);
- ii. Mempunyai sekurang – kurangnya sepuluh (10) tahun pengalaman bekerja atau dalam bidang yang bersesuaian dengan keperluan fakulti;
- iii. Tiada had umur untuk perlantikan Profesor Adjung;
- iv. Keutamaan diberikan kepada calon Profesor Adjung yang memiliki kelulusan akademik Ph.D.;
- iv. Telah memberikan sumbangan yang cemerlang dalam kerjaya atau bidang samada melalui penyelidikan, pengajaran atau sumbangan professional;

**PERATURAN PELAJAR-TATATERTIB AM, SAHSIAH DAN RUPADIRI, ASRAMA**

## Peraturan Pelajar

Peraturan umum pelajar adalah berdasarkan *Buku Peraturan Pelajar-Tatatertib Am, Sahsiah dan Rupidiri, Asrama* yang diterbitkan oleh ASWARA

### Tanggungjawab Akademik Pelajar

1. Mengikut dan mematuhi semua peraturan akademik yang ditetapkan di dalam Buku panduan Akademik Pelajar, nasihat dan arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Pasca Siswazah Kursi P. Ramlee dari masa ke semasa.
2. Menyiapkan semua tugas dan projek dalam jangka masa yang ditetapkan oleh fakulti, pensyarah, penyelia, pentadbir Fakulti.
3. Menduduki peperiksaan seperti yang dijadualkan oleh Fakulti atau ujian-ujian/peperiksaan lain yang ditentukan oleh pensyarah/penyelia mengikut waktu, masa, hari, tempat dan persediaan yang diberitahu atau dikehendaki.
4. Berjumpa dengan penyelia satu jam setiap minggu di dalam satu-satu semester di mana pengajian sedang berlangsung dan lain-lain waktu yang ditetapkan, dipersetujui bersama oleh penyelia dan pelajar.
5. Menghadiri aktiviti Pusat Pengajian/Fakulti dan ASWARA apabila diminta atau diarahkan dan menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam jangka masa yang tepat.
6. Pelajar tidak dibenarkan datang lewat ke kelas atau mana-mana perjumpaan/seminar/bengkel dan sebagainya.
7. Mematuhi semua peraturan akademik dan bukan akademik seperti yang dinyatakan, diberitahu atau diarahkan dari masa ke semasa.
8. Menghadiri sekurang-kurangnya 80 % kuliah. Menghadiri bengkel, kolokium, persidangan, Siri Syarahan Kursi P. Ramlee serta membantu urusan dan kerja-kerja yang diamanahkan oleh Pusat Pengajian/Fakulti.
9. Mendaftar pengajian, membayar semua yuran yang perlu pada masa yang ditetapkan.
10. Memulangkan semua hak dan amanah Pusat Pengajian/ Fakulti apabila sampai masanya atau seperti yang diarahkan.
11. Sentiasa berusaha dan bertanggungjawab memperbaiki sahsiah diri.
12. Berusaha menjadi pelajar cemerlang dan sentiasa menunjukkan minat yang mendalam bagi mencapai matlamat tersebut.
13. Menghormati guru dan pengajar, pentadbir, pegawai dan rakan sepengajian di dalam Pusat Pengajian dan di dalam semua kampus ASWARA.
14. Berkelakuan sopan dan beradab seboleh mungkin di dalam semua masa dan keadaan.